



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُوتِنَبْرُسْتِي إِسْلَامِيَّةٌ أَنْبَارًا بِنَجْسِيَا مُلْدِيَّتِيَا

**QADI : PERLANTIKAN, BIDANGKUASA
DAN PERMASALAHAN
SATU KAJIAN DI SABAH.**

JASRI @ NASIP B. MATJAKIR

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SELANGOR
1993**

Pengakuan

"Saya akui bahawa tulisan ini adalah hasil usaha saya sendiri. Kecuali beberapa nukilan yang terpaksa saya ambil tidak melalui tulisan asal dan petikan asal tulisan itu saya nyatakan nama rujukannya saja"

Pada:
30 April, 1993

(JASRI @ NASIP B. MATJAKIR)

Penghargaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt Selawat dan Salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad SAW dan keluargaNya serta pada sahabat baginda.

Dalam menyiapkan kertas projek Ilmiah ini, penulis menghadapi kesukaran mendapatkan bahan penting (maklumat) yang berhubung kait dengan tajuk tesis ini.

Oleh itu penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mohammad Ariffin yang telah membimbing penulis dalam menyiapkan karya ini dan telah memberi bantuan yang diperlukan. Ucapan yang sama diucapkan kepada Prof. Datuk Ahmad Ibrahim, Dr. Mahmud Saedon A. Othman dan Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid yang telah memberi maklumat, pandangan dan teguran dalam menyiapkan kertas projek ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Yang Arif Qadi Ahmaddin OKK Osman yang telah sudi meminjamkan tesisnya sebagai panduan dan pihak Majlis Agama Islam Sabah.

Dan untuk isteri dan anak-anakku yang telah rela mengorbankan hak mereka diucapkan jutaan terima kasih.

Sekian, Wassalam.

Pada:
30 April, 1993

Jasri @ Nasir B. Matjakir
Kampus Universiti Islam Antarabangsa
Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Senarai Statut

1. The Muhammadan Custom Praclamation 1902, North Borneo Proclamation No. 11 of 1902. Seksyen 6 dan 7.
2. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 1971, Negeri Sabah, Enakmen No. 15 tahun 1971.
3. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah 15 tahun 1977.
4. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah No. 15, tahun 1977 pindaan 1981.
5. Perlembagaan Persekutuan Malaysia
6. Perlembagaan Negeri Sabah
7. Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 (Akta 351)
8. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor, 1952

JADUAL KANDUNGAN

Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Senarai Statut	iv
Jadual Kandungan	v
Pendahuluan	vi

BAB I TAKRIF al-QADA

Bahagian A

Pendahuluan	1
Takrif al-Qada Segi Bahasa	3
Takrif al-Qada Dari Istilah Syarak	6
Takrif Qadi	8
Takrif Qadi Dalam Enakmen	9

Bab B

Dalil Pensyariatan al-Qada	11
Tugas Kehakiman	13
Hikmah Di Syariatkan al-Qada	14
Bagaimana Cara Mencapai Hikmah Tersebut	16

BAB III KEHAKIMAN ISLAM DI ZAMAN RASULULLAH SAW

Pengenalan	19
1. Kedudukan Nabi dalam bidang Kehakiman	19
1.1 Kedudukan Baginda Sebagai Hakim	21

2.	Kes-kes Yang Pernah DiPutuskan	25
2.1	Berhubung Harta Pusaka	27
2.2	Mengenai Khulu' (Cerai Tebus Talaq)	28
2.3	Mengenai Nafkah	28
2.4	Mengenai Zina (Hudud)	29
2.5	Mengenai Kes Curi (Hudud)	29
3.	Nabi Tempat Merayu dan Rujukan	30
4.	Kuasa Melantik Qadi	33
4.1	Cara Perlantikan	34
5.	Kesimpulan	39

BAB IV
PERLANTIKAN QADI MENURUT PERUNTUKAN ENAKMEN
PENTADBIRAN HUKUM SYARAK NEGERI SABAH

	Pengenalan	41
	PERKEMBANGAN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI SABAH DAN PERLANTIKAN QADI	42
1.	Sebelum Merdeka	42
(a)	Kedatangan Islam	42
(b)	Institusi-institusi Pribumi	43
(c)	The Mohammedan Custom Proclamation 1902	45
(d)	The Mohammedan Ordinance 1914	46
(e)	The Native Administration Ordinance 1937	46
(f)	Undang-Undang Mahkamah Adat Orang Islam 1953	48
2.	Selepas Hari Malaysia	
(a)	Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah 1971	50

(b)	Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 1977	53
(c)	Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 1977 - Pindaan 1981	54
	KETUA AGAMA ISLAM NEGERI SABAH	57
	KUASA MELANTIK QADI	58
	KESAN PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN SABAH DAN ENAKMEN 1977	58
(i)	Adakah Kuasa Melantik Qadi itu Terikat Dengan Peruntukan Enakmen	59
(ii)	Adakah Ketua Agama Secara Otomatik Boleh Melantik Qadi	64
(iii)	Apakah Sebenarnya Hubungan Yang DiPertuan Agong Dengan TYT Yang DiPertua Negeri Sabah	62
(iv)	Adakah Perlantikan Qadi Negeri Sabah Sah?	71
	BAB V	
	KAEDAH PERLANTIKAN QADI SABAH	
	Pengenalan	73
A.	SYARAT SAH PERLANTIKAN QADI MENURUT SYARAK	74
1.	Mukallaf	75
2.	Mujtahid	76
3.	Muqallid	79
B.	BAGAIMANA QADI DILANTIK	81
1.	Kuasa Melantik	81
2.	Peranan Majlis Dalam Perlantikan	82
3.	Mekanisma Perlantikan	83
3.1	Kekosongan jawatan	83
3.2	Iklan	84

3.3	Permohonan	84
3.4	Temuduga	85
3.5	Surat Penerimaan	86
4.	Watikah Perlantikan	86
4.1	Watikah dikeluarkan	87
4.2	Penyerahan Watikah	88
5.	Pembatalan Perlantikan	89
6.	Kelayakan Qadi di Sabah	92
7.	Pemilihan Melalui Permohonan	94
C.	PERLANTIKAN MAJISTRET DAN HAKIM MAHKAMAH SIVIL	96
D.	KELEMAHAN DALAM PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH SABAH	98
1.	Mahkamah Masih Di Bawah Pentadbiran MUIS	98
2.	Mahkamah Syariah Masih Ketiadaan Bangunan Mahkamah Sendiri	99
3.	Mahkamah Qadi Tidak Wujud	100
4.	Kakitangan Mahkamah Tidak Mencukupi	100
5.	Tiada Peluang Kenaikan Pangkat/Skil	101
6.	Qadi-Qadi Dibebankan Dengan Tugas Luaran	102

**BAB VI
 BIDANG KUASA QADI DAN MAHKAMAH SYARIAH DI SABAH**

	Pendahuluan	104
A.	Bidang Kuasa Mahkamah Di Malaysia	105
	Pindaan Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan	108

B.	Bidang Kuasa Qadi Negeri Sabah	110
	Senarai II - Senarai Negeri	114
1.	Bidang Kuasa Qadi	116
2.	Bidang Kuasa Qadi Menurut Islam	117
3.	Kuasa Membicara Kes	120
4.	Bidang Kuasa Jenayah	120
5.	Bidang Kuasa Menghukum	123
6.	Mahkamah Rayuan Syariah	123
7.	Mahkamah Qadi Bahagian	126
	7.1 Bidang Kuasa	126
8.	Mahkamah Qadi	129
9.	Kuasa Tangkap Mahkamah Syariah Sabah	132
10.	Bidang Kuasa Qadi Besar	133
11.	Qadi Bahagian	133
	Kesimpulan	134
	Penutup	135
	Lampiran - Watikah Perlantikan	141
	Lampiran - Keputusan Mahkamah Tinggi Borneo, Sandakan	142
	Bibliografi	143

PENDAHULUAN

Pengenalan

Sejarah kehakiman Islam telah bermula sejak 14 kurun yang lampau. Apabila Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul dan berjaya mendirikan sebuah kerajaan Islam Madinah, baginda telah mengetuai kerajaan tersebut dan menjadi hakim.

Bila kerajaan Islam bertambah luas dan berbagai masalah rakyat timbul, baginda tidak lagi dapat melayani kesemua masalah itu. Oleh itu baginda SAW telah melantik beberapa orang sahabat bagi membantu baginda sebagai Qadi atau hakim ke beberapa kawasan; antaranya Ali bin Abu Talib, Muaz bin Jabal dan Umar bin al-Khattab.

Bermula dari situ kehakiman Islam ini berkembang dari satu masa ke satu masa dan telah mengalami berbagai perubahan mengikut keperluan semasa. Pentadbirannya semakin kemas dan canggih.

Institusi kehakiman sangat penting dalam sesebuah negara. Segala pertikaian, perbalahan, pertuduhan, tuntutan dan permohonan di putuskan di mahkamah dengan kuatkuasa undang-undang. Oleh itu perlantikan hakim atau Qadi juga turut menjadi penting dan perlu diberi perhatian.

Tujuan

Kertas projek atau thesis merupakan syarat untuk mendapatkan Sijil Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang di anjurkan bersama oleh Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan juga Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Matlamat utama program ini antaranya yang utama, ialah mendedahkan kepada para peserta kursus terutamanya qadi-qadi kepada sistem perundangan di Malaysia, pentadbiran mahkamah, mempelajari undang-undang keterangan dan cara memahaminya dan juga mempelajari kaedah mengambil dan memahami sumber-sumber rujukan Islam melalui tulisan-tulisan seperti kitab Mughni al-Muhtaj Minhaj at-Takbin dan lain-lain lagi.

Bagi maksud penulisan ini, penulis telah memilih tajuk "Qadi: Perlantikan Bidang Kuasa dan Permasalahannya. Satu Kajian di Sabah". Penulis memilih tajuk ini kerana merasakan tajuk ini akan dapat menimbulkan berbagai masalah yang memerlukan perubahan agar perlantikan qadi di masa-masa akan datang tidak lagi dipersoalkan sama ada dari segi peruntukan undang-undang, kesahihan perlantikan dan berkaitan dengan kedudukan qadi dari berbagai aspek.

Kajian ini amat perlu untuk mencari beberapa kelemahan yang berhubungkait dengan perlantikan seterusnya mengemukakan cadangan sebagai jalan memperbaiki kepincangan yang lalu. Dengan penulisan ini sekurang-kurangnya dapat memberi aset atau buah fikiran kepada pihak yang

berwajib dalam usaha mengatasi masalah-masalah mengenai perlantikan dan peningkatan taraf qadi atau jawatan qadi itu sendiri.

Sejak akhir-akhir ini, telah timbul persoalan mengenai kedudukan perlantikan qadi di Sabah. Adakah lantikan qadi sejak jawatan itu diwujudkan sah menurut undang-undang negara dan syara atau sebaliknya. Walaupun kesahihan perlantikan itu belum pernah dicabar di Mahkamah, masalah ini perlu dipandang berat oleh para pemimpin yang diamanahkan. Ini disebabkan sekiranya perlantikan itu tidak sah membawa dosa yang besar terhadap kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman.

Menurut tinjauan penulis, kesahihan perlantikan ini tidak pernah ditimbulkan oleh mana-mana pihak terutama masyarakat Islam Sabah. Mungkin ini disebabkan oleh kejahilan mereka tentang Sistem Undang-Undang yang diamalkan di Malaysia dan juga sistem kehakiman Islam. Tetapi bagi kalangan pensyarah-pensyarah undang-undang yang terlibat mengkaji mengenai undang-undang keluarga Islam, menimbulkan persoalan ini walaupun dengan tidak secara langsung. Hal ini dapat dirasakan melalui tulisan-tulisan mereka seperti Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim dan Dr. Mahmud Saedon A.Othman.

Antara alasan yang ditimbulkan ialah "Ketua Agama Islam Sabah" adalah Yang DiPertuan Agong. Tetapi dalam enakmen memberi kuasa kepada Yang DiPertuan Negeri melantik Qadi. Alasan lain ialah berlaku percanggahan peruntukan perlembagaan Persekutuan dengan undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Sabah (Enakmen Hukum Syarak Sabah).

Alasan ini memerlukan pengkajian dan penditilan agar kedudukan undang-undang dan kuasa Yang DiPertuan Agong terhadap kuasa melantik Qadi jelas.

Kedudukan Mahkamah Syariah dan qadi atau Hakim Syarie masih tidak jelas sebutan dan bidangkuasanya dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Akibatnya status Qadi dan Mahkamah Shariah begitu rendah di sisi masyarakat dan tidak digeruni berbanding dengan Mahkamah Sivil. Pandangan rendah terhadap Qadi dan Mahkamah Shariah ini sebenarnya berpunca daripada Sistem Undang-Undang yang diamalkan di Malaysia dan juga peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri dan terdapat akta-akta yang menghalang dan menyempitkan bidang kuasa Qadi dan Mahkamah Shariah.

Kelemahan seterusnya yang terdapat di dalam Kehakiman Islam dewasa ini ialah perlantikan Qadi itu sendiri. Walaupun kesemua Enakmen Negeri-Negeri memperuntukkan bahawa perlantikan qadi dilakukan oleh Raja-Raja atau Sultan atau Yang DiPertuan Agong bagi negeri-negeri yang tidak

beraja kecuali Enakmen Negeri Sabah 1977 yang masih menyebut "Yang diPertua Negeri", acara penyerahan watakah perlantikan itu tidak dibuat secara yang sepatutnya sepertimana perlantikan-perlantikan lain. Sebagai contoh perlantikan Exco Kerajaan atau Menteri-Menteri Kabinet Sabah dibuat secara besar-besaran dan diwartakan.

Keadaan ini sebenarnya memberi gambaran bahawa jawatan Qadi ini tidak penting atau tidak perlu diheboh-hebohkan melalui pewartaan Kerajaan. Bagaimanapun pendapat ini adalah salah kerana sebenarnya Qadi yang baru dilantik hendaklah dihebahkan perlantikannya agar masyarakat mengetahui perlantikan tersebut agar tidak ada tohmah atau sangkaan buruk.

Suatu contoh perlantikan dan penyerahan watakah yang patut diikuti ialah perlantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah mengikut peruntukan Enakmen Mahkamah Syariah Selangor 1991. Suatu Majlis penyerahan watakah secara rasmi dapat menaikkan taraf Hakim Sharie atau Qadi dan Mahkamah Syariah.

Di samping itu, soal saraan hidup Hakim-Hakim Syarie turut mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap kedudukan Hakim berkenaan. Jika dibuat perbandingan di antara seorang Majistret dengan Qadi, skill jawatan Majistret adalah lebih tinggi daripada Qadi. Demikian juga Ketua Hakim Sharie di Malaysia khususnya di Selangor adalah jauh berbeza dengan Hakim Besar Malaya atau Hakim Mahkamah Tinggi. Keadaan ini semuanya menggambarkan berbezaan taraf antara penjawat jawatan hakim

di Mahkamah Syariah dan Hakim Mahkamah Sivil. Apa yang lebih jelas ialah jaminan saraan Hakim Mahkamah Sivil disebutkan dalam Akta Kehakiman sama ada semasa berkhidmat atau setelah bersara. Peruntukan ini tidak diberi kepada Hakim Mahkamah Syariah.

Menyentuh soal bidang kuasa seorang Qadi atau Mahkamah Syariah nampaknya masih ketinggalan di belakang Mahkamah Sivil. Bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap kepada bidang kuasa tempatan yang sempit, kesalahan-kesalahan tertentu sahaja, hukuman yang dihadkan oleh akta Mahkamah Syariah 1965 (jenayah) dan lain-lain akta yang menyekat Mahkamah Syariah dari menjalankan bidangnya.

Semua permasalahan yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah dalam usahanya mencari kedudukan dalam masyarakat akan dibincang dan mencari jalan mengatasinya serta membuat beberapa cadangan yang mungkin dapat membantu mencapai matlamat menjadikan Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Sivil dalam semua aspek.

Dalam penulisan ini penulis akan membawa sejarah kehakiman di zaman Rasulullah S.A.W. setakat yang perlu untuk memberi sedikit gambaran tentang kuasa Ketua Negara dan Kerajaan dalam kehakiman. Diharapkan dengan sejarah ringkas kehakiman ini dapat membuka mata atau perhatian pihak berkuasa dalam melaksanakan perantaraan Qadi dan bidang kuasanya serta kedudukannya.

Dalam tulisan ini akan dibahagikan kepada lima (5) bab:

- BAB I : Membincangkan soal takrif, dalil, hikmah disyariat dan cara mencapai hikmah tersebut.
- BAB II : Dalam bab ini akan memaparkan kedudukan kehakiman Islam di zaman Rasulullah S.A.W. tentang kuasa Ketua Negara melantik Qadi dan saraan Qadi.
- BAB III : Dalam bab ini pula penulis memuatkan sejarah perantikan Qadi Sabah sebelum Merdeka dan selepas Merdeka dan persoalan yang timbul dari perlembagaan dan Enakmen yang berbeza.
- BAB IV : Dalam bab ini penulis akan cuba mendedahkan kaedah perantikan Qadi di Sabah menurut amalan yang ada dan apa kepincangan yang terdapat dalam perantikan. Penulis akan membawa kaedah perantikan mengikut ulama Islam.
- BAB V : Dalam bab ini penekanan akan diberikan terhadap bidang kuasa Mahkamah Syariah di Sabah dan masalah-masalah yang dihadapi.

PENUTUP : Dalam bahagian penutup ini penulis akan mengemukakan cadangan-cadangan berserta alasan dan kesimpulan berdasarkan perbincangan yang terdahulu.

BAB I

TAKRIF AL-QADA

Pengenalan

Negeri Sabah telah memperkenalkan Institusi Kehakiman Islam Sabah dan melantik beberapa orang qadi sejak Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah pada 23hb. Disember 1977 dan telah dikuatkuasakan pemakaiannya pada tahun 1978.

Dengan penubuhan dan pengwujudan Mahkamah Syariah dan perlantikan qadi-qadi maka Negeri Sabah telah maju setapak lagi dalam memperkembangkan syiar Islam di negeri itu. Satu era baru bermula dalam Pentadbiran Kehakiman Islam Negeri Sabah. Selama ini masyarakat Islam Sabah khasnya dan rakyat Sabah amnya hanya mengenai Mahkamah Sivil dan Mahkamah Bumiputra (Mahkamah Anak Negeri).

Pada peringkat awal penubuhan, masyarakat Islam Sabah merasakan ianya suatu yang agak asing bagi mereka hinggakan menyebut nama Mahkamah Syariah pun agak kekok dan berat. Mereka tidak mengetahui fungsi dan peranan Mahkamah Syariah. Banyak kes-kes yang melibatkan kedua-dua pihak yang beragama Islam yang jatuh dalam bidang kuasa mahkamah ini masih dirujuk dan dibawa ke Mahkamah Anak Negeri. Malah sebahagian besar masyarakat Islam di negeri ini beranggapan 'Qadi' dan

'Imam' itu sama. Mereka tidak dapat membezakan di antara tugas-tugas seorang qadi dengan tugas seorang Imam. Kadangkala bila disebut perkataan 'Qadi' di dalam sesuatu majlis, ada di kalangan hadirin tersenyum kerana terbayangkan pernikahan kerana pada anggapan mereka, tugas qadi ialah menikahkan pasangan pengantin. Mereka tidak ternampak hakikat tugas seorang qadi. Yang lebih teruk terdapat segelintir masyarakat Islam Sabah yang menganggap jawatan Imam itu lebih tinggi dari jawatan Qadi.

Mahkamah Syariah Negeri Sabah yang telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan yang diberi di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah - 15/77 yang membolehkan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri menubuhkan Mahkamah Syariah dan melantik qadi-qadi, mengandungi Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Qadi dan Mahkamah Qadi Besar (telah ditukar kepada Mahkamah Qadi Bahagian oleh Pindaan Enakmen, 1981).

Mahkamah-mahkamah ini hanya mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang yang beragama Islam terbatas hanya dalam perkara-perkara yang terkandung dalam Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Kuatkuasa hukuman yang dikeluarkan oleh mahkamah ini terhad dalam Negeri Sabah sahaja.

Semua negeri di dalam persekutuan Malaysia kecuali Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka telah memaktubkan dalam perlembagaan negeri masing-

masing bahawa Islam adalah agama rasmi bagi negeri ini. Tetapi, walaupun Islam sebagai agama rasmi Negeri Sabah, namun perkembangan pendidikan agama ini agak lambat dan lembab. Akibatnya masih ramai penganut agama Islam di Sabah yang tidak mengetahui peranan al-qada dan Qadi. Justeru itu sebelum penulis memperkatakan tentang tajuk "QADI - PERLANTIKAN BIDANGKUASA DAN PERMASALAHAN - SATU KAJIAN DI SABAH" dengan lebih lanjut ada baiknya penulis memperkata al-qada ini dari segi bahasa dan istilah syarak agar memudahkan kita memberi takrif terhadap perkataan "QADI".

Takrif Al-Qada

Al-Qada dari segi bahasa mempunyai beberapa makna, diantaranya ialah:

1. Menyelesaikan atau mengosongkan (الفِراغ)¹

Makna ini dapat dilihat dari firman Allah S.W.T.

فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَا كُهَا

bermaksud:

....maka manakala Zaid selesai kemahuannya terhadap isterinya (dengan menceraikannya) kami kahwinkan engkau dengannya.²

¹ Lihat, Muhammad Salam Madkur, Al-Qada Fi Al-Islam: Dar al-Nahdah Al-Arabiyyah, Mesir 1964, hal:11

² Surah Al-Ahzab (33) ayat:37.

2. Menunaikan, menjelaskan atau membayar (**الأداء**)³
 Seperti apabila dikatakan **قضى محمد دينه** bermakna Muhamad telah menunaikan hutangnya iaitu menjelas atau membayarnya.
3. Memaksa, mewajib atau memastikan (**الالزام**)⁴
 Ini bermakna apabila seseorang telah menjawat jawatan Qadi ianya akan membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman dalam sesuatu kes. Keputusan atau hukuman itu adalah wajib dilaksanakan dan dipatuhi kerana ianya mengikat.
4. Menetap atau menentukan (**التقدير**)⁵
 Seperti dikatakan, Qadi telah menetapkan atau menentukan nafkah ke atas si Pulan **قضى الحاكم على فلان بالنفقة** yang bermaksud: Hakim telah menetap atau menentukan ke atas si pulan nafkah.
5. Memerintah atau mengarahkan (**الأمر**)⁶
 Seperti firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ

³ Op.Cit. Muhammad Salam Madkur, hlm. 11

⁴ Lihat, Ibn Abi Ad-Dam, Al-Qadi Syahabuddin Abi Ishak Ibrahim bin Abdullah Al-Hamadani Al-Humawi. Kitab ADAB AL-QADA, Jld.1, Baghdad, Matbaah Al-Irsyad, Cetakan 1 - 1404H/1984. Hal:125.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

yang bermaksud:

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia.⁷

6. Menjadikan, mencipta atau menyempurnakan.⁸

Firman Allah SWT:

فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ

Bermaksud:

Maka Allah telah menjadikan atau mencipta tujuh lapis langit.⁹

Berpandukan kepada keterangan dan penjelasan makna al-Qada yang disokong oleh beberapa petikan ayat Quran tadi, kita dapat kesimpulan bahawa kalimah al-Qada mempunyai makna yang banyak dari segi bahasa. Di antaranya ialah menyelesaikan, mengosongkan, menunaikan, menjelaskan, membayar, memajibkan, menetap dan menentukan, memerintah, mengarah, menjadikan dan mencipta. Kesemua makna tersebut mempunyai unsur-unsur menghukum, memutus dan menentukan. Dari takrif al-Qada dari segi bahasa inilah yang menjadi asas pentakrifan al-Qada mengikut syarak di dalam Sistem Kehakiman Islam.

⁷ Surah Al-Isra' (17) ayat:23

⁸ Lihat, Ibrahim Najib Muhammad Iwad, Al-Qada Fi al-Islam, Majma Al-Buhuth Al-Islamiyah, Kaherah 1975, hal. 5

⁹ Surah Al-Fussilat (41) ayat:12

Takrif Al-Qada Dari Segi Istilah Syarak

Terdapat beberapa takrifan yang diutarakan oleh para ulama mengenai al-Qada, di antaranya ialah:

1. Ibn Irfah, dari mazhab Maliki telah mentakrifkan al-Qada itu sebagai sifat kehakiman yang mewajibkan dilaksanakan hukum syarak.¹⁰

Penekanan yang diberikan di dalam takrif ini ialah tentang sifat kehakiman itu sendiri iaitu keputusan atau hukuman yang diberikan oleh Hakim atau Qadi adalah wajib dilaksanakan. Hukuman itu hendaklah menepati kehendak hukum syarak barulah sesuai dinamakan al-Qada dan wajib dilaksanakan.¹¹

1. Golongan Hanafi mentakrifkan al-Qada seperti berikut:

"Menyelesaikan kes dan memutuskan pergaduhan dan pertelingkahan."¹²

Dalam takrif ini pula menekankan tentang peranan kehakiman iaitu menyelesaikan kes yang dikemukakan atau dihadapkan ke Mahkamah, memutuskan pergaduhan yang berlaku di antara pihak-pihak yang terlibat di

¹⁰ Op.Cit. Ibrahim Najib Muhammad Iwadddd, hal:6

¹¹ Lihat artikel, "AL-QADA DARI SEGI BAHASA" oleh Prof. Madya Dr. Mahmud Saedon Awang Othman - University Islam Antarabangsa,

¹² Lihat, Yasin, Muhammad Abdul Salam, Nazariah Al-Da'wa Jld.1 Saudi Arabia, hal:44

dalam kes yang diadukan atau dibawa ke Mahkamah. Maksud pihak-pihak membawa kes yang dipertikaikan itu ke Mahkamah ialah untuk mendapatkan penyelesaian, keputusan dan hukuman.

3. Ada juga sebahagian golongan Hanafi yang mentakrifkan al-Qada itu sebagai: Pemberitahuan tentang hukum syarak yang wajib dilaksanakan.¹³

Berdasarkan takrif ini, peranan Mahkamah ialah memberi tahu atau menyatakan hukum syarak mengenai sesuatu kes melalui perbicaraan. Pemberitahuan oleh Mahkamah ini adalah wajib dilaksanakan dan ianya mengikat pihak-pihak untuk mematuhiinya. Apabila Mahkamah memutuskan sesuatu kes hendaklah dengan hukum syarak. Tetapi jika pemberitahuan itu bukan berdasarkan hukum syarak maka keputusan itu tidak mengikat.

4. Kebanyakan Ulama Mazhab Shafiee mentakrifkan al-Qada sebagai: "Memutuskan pertikaian di antara dua pihak atau lebih dengan hukuman Allah Taala."¹⁴

Di dalam takrif ini juga menekankan tugas dan peranan al-Qada iaitu memutuskan sebarang pertikaian yang berlaku di antara pihak-pihak. Adapun undang-undang yang digunakan dalam memutuskan pertikaian itu

¹³ Ibid

¹⁴ Lihat, Mohammad Khatib As-Syarbini, Mughni Muhtaj, Maktabah Mustafa Al-Bab El-Halabi, Jld.4, Tn.1377M, hal:372.